



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN TRANSIT ALIRAN RINGAN (LRT) LALUAN KELANA JAYA

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, insiden pelanggaran Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya (KJL) yang berlaku pada 24 Mei 2021 adalah satu kemalangan tragik di mana ramai penumpang telah cedera dan menyebabkan gangguan perkhidmatan pengangkutan awam yang digunakan oleh orang ramai.

Sebagai Menteri Pengangkutan, saya memandang serius perkara ini. Malah, pada malam insiden tersebut, saya bersama-sama dengan pegawai saya telah turun ke lokasi kejadian dengan serta-merta untuk memantau keadaan dan melihat sendiri betapa seriusnya kemalangan tersebut. Saya juga dengan segera telah mengarahkan penubuhan Jawatankuasa Siasatan untuk memastikan tragedi sama tidak berulang.

Dalam tempoh dua minggu, hasil laporan penuh siasatan tersebut, yang diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg Datuk Isham Ishak, telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada 9 Jun 2021, di mana sebanyak dua puluh tiga (23) cadangan telah diberi untuk menambahbaik secara sistematik prosedur dan garis panduan operasi oleh Prasarana Malaysia Berhad dan anak syarikatnya, Rapid Rail Sdn Bhd, yang bertanggungjawab mengendalikan Laluan Kelana Jaya.

Hari ini, saya telah mengunjungi Kompleks Rapid Rail Subang dan diberi taklimat terkini mengenai pelaksanaan 23 cadangan yang disediakan di dalam Laporan Jawatankuasa Siasatan Kementerian Pengangkutan.

Saya dengan sukacita melaporkan bahawa Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) telah melaksanakan dengan sepenuhnya lima (5) langkah jangka pendek daripada dua puluh tiga (23) cadangan untuk menambahbaik operasi LRT Laluan Kelana Jaya, yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Siasatan Kementerian Pengangkutan.

Lima langkah jangka pendek yang telah dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan yang ditetapkan, adalah seperti berikut:

1. Menetapkan dua *Hostler* (pemandu) bagi mengendalikan tren secara manual ketika di dalam terowong. Peranan *Hostler* kedua adalah sebagai pegawai keselamatan dan pematuhan (*Safety & Compliance Officer*).
2. Lampu suluh berkuasa tinggi dibekalkan kepada *Hostler* untuk memudahkan tugas mereka ketika di dalam terowong.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

3. Penyediaan senarai semak (*checklist*) untuk kegunaan dan panduan kepada *Hostler* serta pusat kawalan operasi (*OCC*) dalam mengendalikan tren secara manual ketika situasi kritikal.
4. Menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan (*Sighting Committee*) untuk menjalankan audit terhadap tanda arah/penanda landasan.
5. Menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan untuk melaporkan audit keselamatan kepada pengurusan kanan Prasarana dan Rapid Rail bagi tujuan semakan serta pemantauan.

Saya juga berpuas hati terhadap prestasi Prasarana dalam mendorong Rapid Rail – pengendali perkhidmatan rel Prasarana – untuk melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan tambahan. Sejak 30 Mei, langkah-langkah tambahan tersebut telahpun dilaksanakan bagi memastikan keselamatan perkhidmatannya:

1. Meningkatkan “*Manual Route Reservation*” (*Automatic Train Protection*) dan menambah “*Buffer Zone*” (*Automatic Train Protection*) untuk melindungi tren yang kehilangan isyarat komunikasi supaya tren lain yang berhampiran akan berhenti pada jarak yang lebih jauh.
2. Menghadkan kelajuan maksimum tren yang dikendalikan secara manual sehingga 20km sejam sepertimana yang ditetapkan dalam SOP yang disemak semula.
3. Mengeluarkan Buletin Keselamatan secara berkala dan bila perlu kepada semua kakitangan Prasarana dengan penekanan terhadap isu Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran demi memastikan semua kakitangan sentiasa berwaspada dan teliti secara menyeluruh dalam menjalankan tugas masing-masing.
4. Menambah kekerapan latihan kecekapan bagi pemandu (*hostlers*) dan Eksekutif Kawalan, di samping latihan-latihan atau perakuan lain yang berkaitan, sama ada di dalam atau di luar negara demi menambahbaik kemampuan dan kecekapan mereka.
5. Melakukan latihan *Emergency Response Planning* (ERP) setiap Ahad malam dengan penekanan terhadap pelbagai senario yang melibatkan kegagalan sistem, termasuk menyelamatkan tren yang kehilangan isyarat komunikasi, dan pengendalian tren secara manual untuk menambahbaik kemampuan kakitangan dan sistem untuk bertindak balas dalam situasi kecemasan, terutamanya di kawasan yang sukar diakses, seperti terowong bawah tanah dan jejambat.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Pada masa sama, Rapid Rail juga melaporkan kemajuan yang baik dalam pelaksanaan sebelas (11) langkah jangka sederhana yang perlu dilaksanakan dalam masa tiga (3) ke enam (6) bulan. Sukacita diumumkan bahawa 73 peratus daripada kerja-kerja berkaitan telahpun selesai dan dijangka dapat disiapkan pada tarikh yang ditetapkan, iaitu 9 Disember.

Mengenai tujuh (7) langkah jangka panjang pula, Prasarana bekerjasama dengan pihak berkepentingan dan pihak berkuasa yang berkaitan seperti Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk melaksanakannya secara progresif kerana terdapat beberapa perkara yang memerlukan pelaburan dan kepakaran teknikal tambahan dari pelbagai pihak.

Kementerian Pengangkutan juga menantikan pelaksanaan secara cekap dan tepat pada masa untuk 18 cadangan yang lain, dan kami akan terus bekerjasama dengan Prasarana untuk memastikan pematuhan secara keseluruhan oleh semua pihak yang terbabit terhadap langkah-langkah keselamatan pengoperasian.

Kementerian Pengangkutan sentiasa komited untuk bekerjasama dengan agensi-agensi dan rakan kongsi untuk menyedia dan menyelenggara sistem pengangkutan yang selamat sebagai pilihan utama mod pengangkutan awam.

IMPROVEMENTS TO KELANA JAYA LRT SERVICE

As we are all aware, the 24 May 2021 collision on the Kelana Jaya LRT (KJL) line had resulted in a tragic accident which had caused injuries to many passengers and some delay to a public service which is used by thousands per day.

As Transport Minister, I take this incident extremely seriously. On the night of the incident, my officers and I went down immediately to the incident site to take stock of the situation and saw for myself the scale of the incident. I did not hesitate to immediately order a full investigative committee into this tragedy to make sure it does not happen again.

Within two weeks, the full report of the investigation led by the Ministry's Secretary-General YBhg Datuk Isham Ishak was tabled to the Cabinet on 9 June 2021 with its findings, which gave twenty-three (23) recommendations for systemic improvements to revamp the procedures and operating guidelines employed by Prasarana Malaysia Berhad and its subsidiary Rapid Rail Sdn Bhd, which operates the Kelana Jaya LRT line.

Today, I visited the Rapid Rail Subang complex to receive updates on the implementation of these 23 improvements provided in the Ministry's investigation committee's report.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

I can report that Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) has fully implemented the five (5) short-term measures for the immediate improvement of the LRT Kelana Jaya Line operations as part of the twenty-three (23) initiatives recommended by the Ministry of Transport (MOT) investigation committee.

These five were completed within the required three (3) months period, namely:

1. Posting two hostlers (drivers), with one acting as Safety and Compliance Officer, for all manual train operations within tunnels.
2. Upgrading the work tools used by hostlers in carrying out their duties in low visibility areas such as the tunnels.
3. Improving the checklists used by hostlers and Operation Control Centre (OCC) during manual operation and in critical situations.
4. Setting up a Sighting Committee to perform audits on track markers.
5. Reporting safety performance issues and improvements periodically to Prasarana and Rapid Rail Sdn Bhd senior management for review and monitoring.

I am also satisfied to note that Prasarana is continuously driving Rapid Rail – the operator of the Group's rail services – to perform further - additional - enhancement works. Since 30 May, these additional measures have been put in place to ensure the safety and security of its services:

1. Increasing the "Manual Route Reservation" (Automatic Train Protection) and adding "Buffer Zone" (Automatic Train Protection) to protect any trains that lose their communication signals so other approaching trains will stop at a further distance.
2. Limiting the maximum speed of any trains that are driven manually to 20 km per hour as per revised SOP.
3. Issuing Safety Bulletins at regular intervals and when necessary to all Prasarana staff with strong emphasis on Health, Safety and Environment matters to ensure the workforce remains vigilant, meticulous and thorough.
4. Increasing the frequency of competency training for hostlers (train drivers) and Control Executives in addition to other relevant training or certifications locally or overseas to improve their capability and proficiency.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

5. Performing mini Emergency Response Planning (ERP) exercise every Sunday night focusing on various failure scenarios including rescuing trains that have lost their communication signals and manual train driving to improve the ability of its staff and systems to react in such situations especially in areas that are not easily accessible such as underground tunnels and viaducts.

Rapid Rail is also making good progress on the eleven (11) medium-term recommendations, which are to be implemented within three (3) to six (6) months. Approximately 73% of the relevant works have been completed and expected to meet the 9 December deadline.

As for the remaining seven (7) long-term measures, Prasarana is working with its stakeholders and relevant authorities such as the Land Public Transport Agency (APAD) to implement them progressively as some of it requires additional investment and technical expertise from various quarters.

MOT is looking forward to the timely and efficient implementation of the other 18 recommendations. We will continue to work closely with Prasarana to ensure an overall adherence to safety in operations for parties involved.

At all times, MOT is committed to working with our agencies and partners in providing and maintaining safe, secure, and convenient travel options in the country's public transportation system.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
23 SEPTEMBER 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media:

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Hotline 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my

